

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

PERTANYAAN : **LISAN**
DARIPADA : **PUAN NURUL IZZAH BINTI ANWAR**
KAWASAN : **LEMBAH PANTAI**
TARIKH : **18.5.2015**
NO. SOALAN : **8**

SOALAN

YB Nurul Izzah Binti Anwar (Lembah Pantai) minta **MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan

- (a) status terkini Analisis Kos Faedah TPPA; dan
- (b) apakah rancangan Kerajaan dalam memastikan kepentingan rakyat terjamin, terutamanya syarikat-syarikat Bumiputera untuk bersaing dengan syarikat-syarikat gergasi antarabangsa sekiranya perjanjian ini ditandatangani kelak.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Kerajaan sedar TPPA akan ada kos dan manfaat. Sehubungan itu, dua analisis kos faedah telah diarahkan. Satu dibuat oleh Institute of Strategic and International Studies (ISIS) dan satu lagi oleh Price Waterhouse Coopers (PwC).

Dengan mengambil kira kedudukan rundingan yang telah berubah apabila rundingan maju untuk mencari *landing zones*, analisis telah digerakkan pada suku kedua tahun ini. Kajian dijangka siap bulan Julai 2015 dan akan dibentangkan bersama-sama teks rundingan yang dimuktamadkan nanti di sesi Parlimen yang akan datang.

Tuan Yang Di Pertua,

Berhubung dengan soalan mengenai rancangan Kerajaan untuk menyediakan syarikat Bumiputera supaya lebih bersedia dalam menghadapi persaingan syarikat gergasi antarabangsa, sepertimana yang pernah saya nyatakan sebelum ini, terdapatnya kelebihan dan cabaran yang bakal dihadapi dalam menyertai TPPA.

Dari segi kelebihan, penyertaan TPPA menjangkakan:

1. **Peluang akses pasaran** – TPPA menawarkan peluang kepada Malaysia untuk menjadi sebahagian daripada pasaran pengguna yang mempunyai 800 juta orang. Selain itu, ia juga memberi akses pasaran yang lebih baik terutamanya dengan 4 negara yang masih belum ada FTA, iaitu Amerika Syarikat, Kanada, Peru, dan Mexico.
2. **Destinasi Pelaburan** – Untuk mengukuhkan lagi Malaysia sebagai hub pelaburan serantau dan Asia. Bayangkan sekiranya Malaysia menarik diri di masa sekarang, Malaysia akan menjadi destinasi pelaburan yang kurang menarik bagi bakal pelabur (berpotensi) dan pelabur yang sedia ada kerana mereka mungkin menimbang semula pelan rancangan pengembangan mereka di Malaysia

3. **Rantai Bekalan Serantau** – Malaysia perlu mengukuhkan diri sebagai sebahagian dari rantai bekalan serantau ini terutamanya meletakkan Malaysia di mana situasi yang hendak bersaing dengan negara serantau lain yang juga menyertai TPP.
4. **Ketelusan dan Tadbir Urus Yang Cepak** – TPPA seiring dengan dasar transformasi negara untuk mempromosikan tadbir urus yang cekap dan telus.

Tuan Yang Dipertua,

Walau bagaimanapun, kita perlu mengakui bahawa terdapatnya cabaran yang bakal dihadapi. TPPA dijangka akan mengundang pembukaan ruang ekonomi yang membawakan persaingan. Namun begitu, pembukaan pasaran sebenarnya telah berlaku semenjak tahun 1993 melalui AFTA dan lain-lain FTA yang telah ditandatangani.

Tuan Yang Dipertua,

Kerajaan akan tetap mempertahankan dasar-dasar Bumiputera. FTA seperti TPPA akan mengambil kira daya saing entiti perniagaan tempatan. Selain itu, kita harus juga melihat kepada manfaat yang dibawa di sebalik liberalisasi pasaran. Pengeksport barangan dan perkhidmatan di Malaysia dijangka menikmati akses pasaran yang lebih meluas di bawah TPPA.